



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
مجلس بندراءي بتالنج جايا



KIOS ILMU

PROJEK INOVASI

JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

NAMA INOVASI	KIOS ILMU
RINGKASAN INOVASI	<p>Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya (PKPJ) memberikan pelbagai perkhidmatan kepada pengguna seperti peminjaman dan pemulangan buku, perkhidmatan internet, mencari bahan rujukan dan perpustakaan kanak-kanak. Inisiatif ini telah menarik ramai penduduk Petaling Jaya mengunjungi Perpustakaan. PKPJ mula menerima sumbangan buku daripada orang awam ekoran daripada promosi yang dijalankan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan beberapa perpustakaan lain. Oleh itu, sekitar tahun 2018 PKPJ telah menerima buku sumbangan untuk diuruskan bagi kegunaan orang awam menerusi konsep “Continuously Sharing Knowledge”.</p> <p>Bermula Januari 2019, PKPJ telah mewujudkan Rumah Buku yang bersaiz 2 kaki lebar x 4 kaki panjang x 3.5 kaki tinggi kepada orang awam untuk berkongsi buku yang ditempatkan di PKPJ dan Muzium Petaling Jaya.</p> <p>Usaha ini mendapat perhatian dan galakan yang memberangsangkan daripada ahli perpustakaan dan masyarakat sekeliling. Rentetan daripada itu, pada bulan Mac 2019, PKPJ telah mengalami masalah lambakan buku-buku sumbangan sebanyak 1,840 naskah buku yang menjadi isu penting dalam melestarikan semula buku-buku sumbangan untuk dimanfaatkan oleh pembaca. Setiap Rumah Buku yang disediakan hanya dapat menempatkan lebih kurang 120 buah buku. Manakala rekod sumbangan buku yang diterima melebihi jumlah yang dapat ditampung oleh Rumah Buku. Buku-buku yang tidak dipamerkan akan rosak disebabkan oleh kadar kelembapan tinggi dan “silverfish”.</p> <p>Justeru bagi memastikan budaya membaca terus menjadi amalan, Ketua Bahagian Sumber Ilmu berhasrat lambakan buku-buku ini dapat diurus dengan baik. Oleh yang demikian, Kumpulan Inovasi dan Kreatif KINETIK Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan telah ditubuhkan pada 21 Mei 2019 yang dianggotai sepenuhnya oleh 10 orang kakitangan Bahagian Sumber Ilmu dalam Bidang Penyampaian Perkhidmatan bagi Kategori Penambahbaikan.</p> <p>Melalui kios ini, kumpulan kami berhasrat agar 76.47% buku-buku sumbangan dapat diuruskan dengan baik dan memberi manfaat juga perkhidmatan yang efisien kepada kawasan pentadbiran MBPJ yang berkeluasan 97.2 kilometer persegi dengan jumlah penduduk lebih 600,000 orang.</p>

RINGKASAN INOVASI	Pembangunan projek ‘Kios Ilmu’ bermatlamat agar pengunjung taman dan masyarakat dapat membaca sambil beriadah dengan capaian yang mudah, perkhidmatan yang percuma dan memenuhi permasalahan jabatan. Projek ini juga diharap mampu menjadi pelopor kepada agensi lain dalam memurnikan buku-buku sumbangan supaya usaha ini dapat dikembangkan ke kawasan lain sejajar dengan Kempen Dekad Membaca Kebangsaan 2021 – 2030 dari Kementerian Pendidikan yang mensasarkan menjadikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang tahun 2030.
KLUSTER	Penyampaian Perkhidmatan
PUNCA	Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)
STATUS INOVASI	Menerima sijil pendaftaran harta intelek
LATAR BELAKANG PROJEK (proses sebelum dan selepas, elemen penurunan kuasa (jika ada), pelaksanaan inhouse/outsource dsb)	<p>Pihak perpustakaan mengalami masalah lambakan buku derma yang diterima daripada pengguna. Masalah ini sekali gus menyebabkan perpustakaan kekurangan ruang untuk menyimpan buku tersebut. Bagi mengatasi masalah lambakan buku pihak perpustakaan telah membina 2 buah rumah buku yang ditempatkan di Pepustakaan Komuniti Petaling Jaya dan Taman Aman. Namun kerana jumlah yang diterima semakin bertambah struktur yang lebih besar amat diperlukan. Hasil perbincangan dengan Jabatan Kejuruteraan satu rekaan kios telah direka dan dipersetujui.</p> <p>Tiga buah kios yang mampu menampung sehingga 500 buah buku telah ditempatkan di Taman Jaya untuk dimanfaatkan oleh pengunjung taman dan penduduk sekitar.</p>
KUMPULAN SASAR & SKOP LIPUTAN	<ol style="list-style-type: none"> 1) Orang awam 2) Pengguna Taman Jaya 3) Penduduk setempat
OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1) Menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. 2) Melestarikan buku derma yang diterima oleh perpustakaan. 3) Mempelbagaikan bahan bacaan. 4) Memberikan perkhidmatan peminjaman buku secara percuma.

PENERANGAN	
A. Kreativiti	Mengubah suai kios jualan sedia ada kepada kios buku berserta rak boleh diputar.
B. Keberkesanan	Menjimatkan ruang dan praktikal serta dapat memupuk budaya membaca tanpa mengira tempat.
C. Relevan	Boleh menyimpan sehingga 500 naskah buku dalam satu masa sekali gus, mempelbagaikan pilihan bahan bacaan kepada pengguna.
D. Signifikasi	<p>Dapat mengurangkan lambakan buku serta mengurangkan beban kerja kakitangan dalam menguruskan buku sumbangan.</p> <p>Bahan bacaan dapat diguna semula dan memanjangkan hayat sesbuah buku.</p>



Kumpulan Projek

